

08 APR, 2026

Strategi ‘Relay Race’ pacu Ain Medicare ke pasaran global

Berita Harian, Malaysia



Pelaburan Ekuinas bukti keberkesanan model sokongan berterusan dalam perkasa syarikat Bumiputera

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@nstp.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) mengumumkan pelaburan strategik dalam Ain Medicare Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar produk farmaseutikal Bumiputera terkemuka.

Pelaburan yang disalurkan melalui dana Tranche IV Ekuinas bernilai keseluruhan RM1 billion itu membolehkan syarikat berkenaan memperoleh pegangan saham minoriti strategik dalam struktur korporat Ain Medicare.

Langkah ini mencerminkan keberkesanan strategi ‘Bumipu-



Ain Medicare menghasilkan pelbagai produk termasuk larutan intravena, bahan suntikan isi padu kecil, larutan irigasi serta pekatan hemodialisis.

tera Relay Race’ di bawah agenda nasional GEAR-UP, iaitu pendekatan sokongan institusi berterusan bagi mempercepat pertumbuhan syarikat Bumiputera berpotensi tinggi.

Dalam konteks Ain Medicare, syarikat itu sebelum ini menerima sokongan daripada VentureTECH Sdn Bhd sejak 2017 hingga 2025, yang membantu memperkukuh keupayaan operasi serta meningkatkan kapasiti pembuatan.

Kini, peranan itu diteruskan

oleh Ekuinas untuk membawa syarikat itu ke fasa pertumbuhan seterusnya.

Selari objektif strategik syarikat

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Ekuinas merangkap Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd, Rick Ramli, berkata pelaburan itu selari dengan objektif strategik syarikat.

“Perjalanan Ain Medicare merupakan contoh jelas pelaksa-

naan konsep ‘Bumiputera Relay Race,’” katanya dalam satu kenyataan, sambil menambah ini adalah inisiatif kedua selepas kejayaan menyokong Orkim Bhd sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Aliff Omar Mohamad Omar, menegaskan peranan penting modal institusi dalam memperkasa syarikat tempatan.

“Modal institusi memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan syarikat tem-


patan yang berpotensi berkembang dalam industri keutamaan,” katanya.

Beliau berkata industri farmaseutikal Malaysia dijangka berkembang sekitar 6.4 peratus setahun dan berpotensi mencapai nilai pasaran sehingga RM15 billion menjelang 2030.

Ain Medicare, yang telah beroperasi selama 30 tahun, mempunyai kehadiran kukuh dalam pasaran tempatan dan global. Beribu pejabat di Kota Bharu, Kelantan, syarikat itu menghasilkan pelbagai produk termasuk larutan intravena, bahan suntikan isi padu kecil, larutan irigasi serta pekatan hemodialisis.

Produk jenama dalaman syarikat itu yang mendapat pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kini menembusi 17 pasaran eksport antarabangsa merangkumi Asia Barat, Asia Pasifik, Eropah, Amerika Selatan dan Oceania.

Kejayaan itu juga menyumbang kepada ekonomi setempat apabila Ain Medicare menggaji hampir 1,400 pekerja, majoritinya dalam kalangan Bumiputera.



08 APR, 2026

Strategi ‘Relay Race’ pacu Ain Medicare ke pasaran global

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pelaburan Ekuinas bukti keberkesanan model sokongan berterusan dalam perkasa syarikat Bumiputera
Oleh Mohd Zaky Zainuddin zaky@nstp.com.my
Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) mengumumkan pelaburan strategik dalam Ain Medicare Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar produk farmaseutikal Bumiputera terkemuka. Pelaburan yang disalurkan melalui dana Tranche IV Ekuinas bernilai keseluruhan RM1 bilion itu membolehkan syarikat berkenaan memperoleh pegangan saham minoriti strategik dalam struktur korporat Ain Medicare.